

17 DEC 1996

DOKTOR PERLU PENDIDIKAN HIV, KATA MMA

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) bimbang akan kekurangan pengetahuan di kalangan doktor dan pekerja di sektor penjagaan kesihatan dalam mengendalikan pesakit yang dijangkiti kuman HIV dan juga mereka yang menghidap Aids.

"Ini benar-benar malang kerana para doktor dan pekerja kesihatan merupakan anggota profesional barisan depan untuk membantu mereka dengan HIV/Aids," kata Presiden MMA Datuk Dr Abdul Hamid.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, Dr Abdul Hamid berkata, persatuan itu baru-baru ini mendapat khabar yang orang ramai dengan masalah ataupun soalan mengenai HIV/Aids mendapati sukar untuk mendapatkan maklumat yang berguna daripada doktor-doktor.

Beliau berkata, masalah itu lebih teruk di sektor swasta dan satu daripada sebab ialah kerana para doktor di sektor swasta tidak mempunyai banyak peluang untuk mendapat pendidikan mengenai penyakit itu kerana sibuk dengan klinik masing-masing.

Dr Abdul Hamid juga berkata, terdapat hospital-hospital swasta yang menghantar pesakit-pesakit dengan HIV ke hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan.

"Saya bersetuju sepenuhnya dengan pendapat, Pengerusi Majlis Aids Malaysia Marina Mahathir yang Kementerian Kesihatan perlu mengimbas sikap yang diamalkan oleh para doktor dan mereka dalam sektor penjagaan kesihatan," kata beliau.

Dalam hubungan ini, beliau berkata, MMA telah mengambil langkah-langkah untuk mengadakan kursus kaunseling yang sistematik dan syarahan mengenai HIV/Aids bagi anggota-anggotanya di seluruh negara khasnya bagi mereka di sektor swasta dan penjagaan kesihatan.

-- BERNAMA

ZAB PR